

PEMBELAJARAN BAHASA ANTARABANGSA DI MALAYSIA: BAHASA JEPUN

Rozalina Rahmat, Zahara Aziz

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Jepun bukan sahaja berguna dalam pelbagai bidang, malah juga dapat menyediakan negara ke arah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pengetahuan bahasa ini akan menjadi asas dalam menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan di bidang sains dan teknologi dari negara Jepun. Dalam usaha untuk menjadi negara maju, negara memerlukan tenaga manusia yang berkepakaran tinggi di bidang sains dan teknologi. Kejayaan yang dicapai oleh negara Jepun perlu dipelajari dan dicontohi. Oleh itu, melalui pembelajaran bahasa Jepun yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia ini, diharapkan dapat membantu melahirkan modal insan yang multi lingual seterusnya dapat mencapai matlamat pembelajaran bahasa antarabangsa amnya, bahasa Jepun khususnya.

Pengenalan

Bahasa antarabangsa merupakan cara pertuturan yang sama sekali berlainan dari budaya dan hubungan masyarakat setempat. Bahasa yang dipertuturkan melambangkan identiti sesuatu kaum atau bangsa tersebut. Sebagai contoh, dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda majoriti rakyatnya. Bangsa Melayu dikenali sebagai tuan kepada bahasa tersebut. Justeru itu, bahasa yang digunakan selain daripada bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa antarabangsa. Antaranya seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil, Korea, Jepun, Arab, Perancis dan sebagainya.

Pembelajaran bahasa antarabangsa semakin penting dalam setiap peringkat pendidikan, tidak kira samada murid itu adalah murid sekolah menengah yang diwajibkan untuk belajar bahasa antarabangsa, ataupun murid di setiap peringkat sekolah rendah dan pertengahan, subjek bahasa antarabangsa ada ditambah di dalam kurikulum mereka samada ianya menjadi subjek teras ataupun subjek elektif (Schwarz, 1997). Menurut Schwarz (1997) lagi, bahasa antarabangsa merupakan “magnet” yang dicipta oleh sesetengah sekolah dan di lihat sangat popular dan ianya tidak membebankan pelajar.

Pembelajaran bahasa antarabangsa adalah berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua. Ini kerana pelajar tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai bahasa antarabangsa tidak seperti mana bahasa kedua. Lazimnya, selain daripada bahasa ibunda, pelajar juga menggunakan bahasa kedua sebagai medium dalam komunikasi sehari-hari. Contohnya, bahasa utama bagi pelajar Melayu adalah bahasa Melayu tetapi mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan dan percakapan mereka sehari-hari. Ini kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan oleh masyarakat seluruh dunia untuk berkomunikasi di antara satu sama lain di dalam urusan seharian mereka. Pelajar-pelajar di Malaysia kebanyakannya terdedah kepada bahasa Inggeris sejak kecil lagi kerana ia diiktiraf sebagai bahasa kedua di negara ini.

Tidak seperti bahasa Inggeris, pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang bahasa antarabangsa yang lain dan hanya berharap sepenuhnya terhadap guru dan nota yang diberi untuk mempelajari bahasa tersebut. Kebanyakan pelajar tidak pernah terdedah kepada bahasa antarabangsa dan pendedahan hanya berlaku sewaktu mereka mengambil kursus ataupun kelas bahasa tersebut. Pelajar tidak boleh mempelajari bahasa antarabangsa secara tidak formal iaitu tanpa menghadiri kelas kerana keadaan persekitaran yang tidak sesuai. Tambahan lagi persekitaran yang sedia ada tidak sama dengan persekitaran sebenar bahasa tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pelajar mampu untuk belajar bahasa kedua (bahasa Inggeris) secara tidak formal kerana keadaan sekeliling yang mengizinkan dan wujudnya penggunaan bahasa kedua yang meluas di persekitaran pelajar. Secara amnya, kita mengetahui bahawa mempelajari bahasa antarabangsa adalah sesuatu yang sukar dan merumitkan pelajar kerana mereka bermula dengan pengetahuan sifar mengenai bahasa tersebut dan ia merupakan bahasa baru bagi mereka.

Pembelajaran Bahasa Antarabangsa di dalam Sistem Pendidikan di Malaysia

Pembelajaran bahasa antarabangsa bukan lagi satu fenomena baru di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah pun memberikan perhatian serius semenjak tahun 1960-an lagi, di mana kursus-kursus bahasa antarabangsa telah ditawarkan di peringkat institusi pengajian tinggi dan di peringkat sekolah. Melalui pembelajaran bahasa antarabangsa, kerajaan Malaysia mempunyai agenda dan misi tersendiri dalam visi melengkapkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang boleh menghadapi cabaran globalisasi seperti yang dinyatakan oleh Roswati (2002):

Komunikasi antara budaya kini merupakan suatu aspek yang penting bukan sahaja dalam kajian linguistik tetapi juga dalam alam perniagaan, ekonomi dan politik. Komunikasi ini menjadi sebahagian daripada saripati sosiobudaya abad ke 21. Desakan global yang semakin ketara menyebabkan setiap orang yang berkecimpung dalam dunia perniagaan, industri, korporat, linguistik dan pendidikan terpaksa memikirkan semula konsep yang ada dan membuat peralihan paradigma sedikit sekiranya mereka tidak mahu ketinggalan era baru.

Sebagai contoh, implikasi agenda dan misi kerajaan ialah sebelum tahun 1966, bahasa Jepun telah ditawarkan di universiti-universiti tempatan sebagai subjek elektif. Kemudian secara perlahan-lahan ia diperkenalkan kepada sekolah-sekolah peringkat menengah pada awal tahun 1980-an. Ia menjadi bertambah penting lagi setelah mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Program Dasar Pandang ke Timur pada Julai 1981.

Untuk membangunkan negara, Malaysia haruslah mencontohi dan berkongsi rahsia di sebalik kejayaan dan pengalaman dari Jepun sebagai sebuah negara termaju di antara negara-negara termaju di dunia. Contohnya seperti ciri-ciri pengurusan yang baik, semangat ketekunan orang-orang Jepun dan langkah untuk mencapai wawasan 2020 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian, kita haruslah mempelajari teknologi yang tinggi dan etika kerja yang diamalkan oleh Jepun. Hasil daripada program tersebut sehinggalah pada tahun 2005 terdapat 1,307 buah syarikat Jepun yang bertapak di negara ini dalam usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi negara dengan membenarkan negara antarabangsa membuat pelaburan di Malaysia.

Dari segi pendidikan pula, institusi bahasa Jepun yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1982 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur (dikenali sebagai Ambang Asuhan Jepun) manakala pada tahun 1992 pula, institusi yang kedua telah ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia. Institusi ini menawarkan program persediaan yang melengkapkan pelajar dengan kemahiran berbahasa Jepun secara intensif sebelum melanjutkan pelajaran ke Jepun dalam pelbagai bidang. Sehingga kini terdapat 18 buah institusi bahasa Jepun di 15 buah institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Manakala pada peringkat sekolah pula sehingga 2006 terdapat 59 buah sekolah samada berasrama penuh mahu pun harian menawarkan kursus bahasa Jepun.

Dasar dan objektif kerajaan melalui pembelajaran bahasa antarabangsa ini adalah untuk:

1. Menambahkan satu lagi kemahiran berbahasa selain berkebolehan dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.
2. Menambahkan pengetahuan tentang budaya bahasa antarabangsa yang dipelajari.
3. Berpeluang mempelajari teknologi yang digunakan di negara-negara berkenaan.
4. Berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat antarabangsa di Malaysia.

5. Menggalakkan murid melanjutkan pelajaran di negara-negara berkenaan.
6. Menyediakan Malaysia ke arah negara *multilingual*.

Secara amnya, terdapat lima bahasa antarabangsa utama yang telah dipilih dan diajar kepada pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah harian biasa berdasarkan kemajuan negara-negara berkenaan dan juga asimilasi bahasa-bahasa tersebut dengan berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat Malaysia. Bahasa-bahasa yang telah dipilih ialah bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan bahasa Jerman.

Latar Belakang Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Jepun di Sekolah

Bahasa Jepun telah diperkenalkan di 6 buah SBP pada tahun 1984 sejajar dengan objektif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mewujudkan masyarakat yang pelbagai bahasa. Status bahasa Jepun di sekolah-sekolah tersebut pada masa itu adalah sebagai mata pelajaran elektif wajib. Pelajar mempelajari mata pelajaran ini selama 4 tahun iaitu dari tingkatan 1 hingga ke tingkatan 4. Mulai tahun 2006, pengajaran bahasa Jepun turut diperluaskan pelaksanaannya ke sekolah harian biasa. Bagaimanapun penawaran mata pelajaran bahasa Jepun di sekolah harian biasa ini hanyalah sebagai mata pelajaran pilihan itu pelajar boleh memilih samada hendak mempelajarinya atau tidak. Bahasa Jepun dan bahasa antarabangsa yang lainnya diajar dengan bilangan waktu 3 kali seminggu (40 minit setiap waktu).

Matlamat Pembelajaran Bahasa Jepun diajar di Sekolah

Matlamat bahasa Jepun sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk pembangunan diri, memperoleh ilmu serta menjalin hubungan sosial. Kurikulum bahasa Jepun memberi penekanan kepada nilai kemanusiaan dan semangat patriotik untuk menyedarkan pelajar tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Pelajar dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, beretika tinggi, bijaksana serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan.

Rujukan: Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun

Objektif Bahasa Jepun di Sekolah

Objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di sekolah adalah untuk:

- i. memperluaskan keupayaan pelajar melalui media massa bahasa Jepun sebagai bahasa komunikasi bagi mempertingkatkan keupayaan menimba ilmu pengetahuan dalam konsep pendidikan yang selari dengan perkembangan dunia.
- ii. mempelajari dan mendalami kepakaran teknologi negara Jepun, yang memang terkenal dengan kemajuan dalam bidang penyelidikan dan perkembangan, teknologi pembuatan dan pemasaran antarabangsa.
- iii. membolehkan pelajar mempelajari dan mendalami budaya kerja orang Jepun yang telah membawa kejayaan kepada negara Jepun bersaing dengan negara-negara maju yang lain dalam segala bidang.
- iv. Melahirkan generasi baru yang mampu menguasai pelbagai bahasa yang akan menjadi asset penting kepada negara Malaysia dalam usaha menyaingi perubahan dan perkembangan dunia dalam konteks multi media masa kini.

Tenaga Pengajar

Pada awalnya, pengajaran bahasa Jepun dikendalikan oleh guru-guru sukarelawan *Japan Overseas Cooperation Agency (JOCV)* yang didatangkan oleh *Japan International Cooperation Agency (JICA)*.

Kini keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun dijalankan oleh guru-guru tempatan yang terdiri daripada graduan lepasan universiti Jepun. Guru-guru tersebut dihantar melalui program pengsiswazahan guru bahasa Jepun yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) di bawah Program Dasar Pandang ke Timur. Program ini dimulakan pada tahun 1990 dengan 10 orang guru sebagai perintis dan berterusan sehingga tahun 1998. Guru-guru yang dihantar untuk menjalani program ini adalah terdiri daripada guru-guru bukan siswazah. Guru-guru yang menjalani program ini mendapat pendidikan asas bahasa Jepun secara intensif di Universiti Teknologi Mara selama 5 bulan. Selepas tamat kursus intensif ini, guru-guru tersebut melanjutkan pelajaran ke institut bahasa Jepun di Jepun peringkat diploma selama setahun. Selepas itu, guru-guru tersebut akan melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda selama 4 tahun di universiti di Jepun. Selepas menamatkan pengajian, guru-guru ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Jepun.

JADUAL 1: Bilangan guru bahasa Jepun dan bilangan sekolah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Jepun bagi tahun 2011

Data sehingga Mac 2011

BAHASA JEPUN	BILANGAN SBP	BILANGAN SEKOLAH HARIAN	JUMLAH SEKOLAH	BILANGAN GURU SBP	BILANGAN GURU HARIAN	JUMLAH SEKOLAH
	47	39	86	68	51	119

Sumber: BPK, KPM

Kandungan Sukatan Pelajaran

Penggubalan sukatan pelajaran bahasa Jepun secara formal mula dijalankan pada tahun 1984 dan kemudian diperkemas lagi pada bulan Ogos 1986. Sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran digubal sendiri oleh guru-guru sukarelawan (JOCV) daripada Jepun. Sukatan ini digunakan sehingga tahun 2012. Sukatan pelajaran ini digubal selari dengan penggunaan bahasa Jepun dalam konteks yang sesuai ketika berkomunikasi, di samping memperoleh maklumat dan memahami kandungan sesuatu bahan bacaan. Pelajar juga dapat menguasai ilmu dan pengetahuan antara budaya, yang akan dapat membantu pelajar memahami dan menghargai nilai, budaya dan amalan masing-masing. Penekanan diberi dari peringkat awal pembelajaran huruf-huruf Jepun. Pada masa yang sama, nilai-nilai dan adat resam Jepun diterapkan.

Hasil pembelajaran adalah berteraskan kepada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini digabungkan dalam penggunaan tatabahasa yang baik, sistem bunyi dan penulisan serta penggunaan kosa kata yang bersesuaian.

Penggubalan sukatan pelajaran bahasa Jepun yang kedua secara formal diusahakan mulai tahun 2004 dan kemudian diperkemas sehingga sukatan tingkatan 1 mula digunakan pada tahun 2008. Sukatan pelajaran ini digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan bantuan dan khidmat nasihat daripada Yayasan Jepun, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa. Sukatan pelajaran ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat (Bil. 2/2004) pada 29 Oktober 2004.

Dengan terhasilnya sukatan pelajaran baru pada tahun 2004, usaha menghasilkan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) bahasa Jepun diteruskan pada tahun 2005. Beberapa bengkel telah diadakan dan telah dapat menghasilkan HSP tingkatan 1. Beberapa orang pakar dari universiti tempatan dan badan sukarelawan (NGO) juga telah dijemput sebagai penasihat dalam proses menyemak dan memurnikan HSP bahasa Jepun.

Buku Bahasa Jepun

Satu kajian keperluan telah dijalankan oleh BPK pada tahun 2004 bagi melihat keperluan buku teks yang baru dan menepati perkembangan bahasa Jepun yang terkini telah dijalankan. Hasil kajian

telah mendapati keperluan adalah sangat mendesak. Selaras dengan sukatan pelajaran bahasa Jepun yang baru, BPK telah melantik beberapa orang panel dari kalangan guru-guru yang berpengalaman dalam pendidikan bahasa Jepun sebagai bahan sokongan bagi kegunaan semua guru dan pelajar bahasa Jepun di sekolah menengah seluruh Malaysia. Buku bahasa Jepun tingkatan 1 telah diuji rintis pada tahun 2008. Buku teks bahasa Jepun dan buku kerja sedia ada yang telah digunakan sejak 1984 ialah *Nihongo Konnichiwa*. Ia telah digubal bersama oleh guru-guru JOCV dan guru-guru tempatan.

Peperiksaan Bahasa Jepun

Peperiksaan bahasa Jepun diuruskan oleh Unit Bahasa Antarabangsa, BPK. Peperiksaan yang ditawarkan adalah peperiksaan dalaman dan peperiksaan kertas antarabangsa. Peperiksaan dalaman wajib diambil oleh semua pelajar yang mengambil mata pelajaran ini. Pentaksiran secara sumatif yang dikenali sebagai Peperiksaan Pencapaian Bahasa Jepun dijalankan serentak di semua sekolah dan semua pelajar tingkatan 4 diwajibkan menduduki peperiksaan ini. Soalan peperiksaan digubal oleh panel penggubal yang dilantik oleh BPK dengan kerjasama *Japan Foundation*. Sijil peperiksaan bahasa Jepun ini dikeluarkan bersama oleh KPM dan *Japan Foundation*. Ia ditandatangani secara bersama oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan Pengarah *Japan Foundation*. Sijil ini telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan menyambung pelajaran dan kerjaya. Selain itu, pelajar juga digalakkan menduduki peperiksaan kertas antarabangsa iaitu *Japanese Language Proficiency Test* (JLPT). Peperiksaan ini diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pelajar bahasa Jepun yang telah tamat mengikuti kelas bahasa Jepun sekurang-kurangnya 4 tahun, layak menduduki kertas ini di tahap 4.

Masalah dan Cabaran

Seperti yang telah dinyatakan, mata pelajaran bahasa Jepun hanya ditawarkan di SBP dan sekolah harian biasa yang terpilih sahaja. Penawaran yang terhad ini menyebabkan mata pelajaran ini seperti terpinggir kerana tidak semua pelajar berpeluang mengikuti pembelajaran bahasa Jepun ini. Wan Zarina et al. (2007) menyatakan proses pembelajaran yang dijalani dalam memahami dan memastikan seseorang dapat bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa asing memerlukan usaha dan semangat yang kental. Pelbagai kekangan perlu dihadapi terutamanya dalam menangani masalah keyakinan diri semasa mengikuti proses pembelajaran tersebut.

Penggunaannya yang terhad menyebabkan pelajar tidak nampak kepentingan mempelajari bahasa ini. Mereka tidak berpeluang untuk mempraktikkan penggunaan bahasa ini di luar daripada kawasan sekolah menyebabkan mereka hilang minat dan mempelajari mata pelajaran ini sambil lewa. Guru-guru bahasa Jepun juga tidak mempunyai panduan yang khusus dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kerana selepas menamatkan pengajian, mereka terus ditempatkan di sekolah-sekolah yang ditetapkan dan terserahlah kepada mereka untuk menentukan hala tuju pengajaran mata pelajaran ini.

Bagi memupuk minat pelajar mempelajari bahasa ini, beberapa program yang melibatkan pelajar telah dirancang oleh Bahagian Sekolah, KPM (Sektor Operasi). Antara aktiviti-aktiviti tersebut seperti mengadakan Hari Bahasa Jepun Peringkat Kebangsaan di mana pengisiannya adalah seperti pertandingan tulisan Jepun, pertandingan masakan Jepun, pertandingan pidato dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa ini dengan lebih bersungguh serta menjadi motivasi kepada mereka secara tidak langsung.

Oleh kerana mata pelajaran ini hanyalah elektif dan tidak ada dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan sumatif yang lain, pelajar tidak memberikan tumpuan sepenuhnya untuk penguasaan bahasa ini. Mereka mempelajarinya samada kerana minat atau disebabkan mata pelajaran tersebut adalah elektif wajib. Ini menyebabkan guru terpaksa banyak membuat ulangkaji setiap kali sebelum kelas bermula. Guru juga perlu mengadakan banyak aktiviti main peranan untuk memberi peluang pelajar mempraktikkannya.

Selain daripada itu, guru juga menghadapi kesukaran untuk meningkatkan kemahiran asas mereka kerana hanya berkomunikasi dengan bahasa tersebut pelajarinya sahaja. Bagi mengatasi masalah ini, guru-guru hendaklah dari masa ke semasa diberikan kursus peningajian profesionalisme yang dikendalikan oleh Unit Bahasa Antarabangsa BPK dengan bantuan agensi luar seperti *Japan Foundation* dan sebagainya. Kursus ini bertujuan untuk mengekalkan tahap penguasaan bahasa gurur-guru tersebut dan meningkatkan motivasi guru serta member input terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun.

KESIMPULAN

Pembelajaran bahasa Jepun bukan sahaja berguna dalam pelbagai bidang, malah juga dapat menyediakan negara ke arah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pengetahuan bahasa ini akan menjadi asas dalam menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan di bidang sains dan teknologi dari negara Jepun. Dalam usaha untuk menjadi negara maju, negara memerlukan tenaga manusia yang berkepakaran tinggi di bidang sains dan teknologi. Kejayaan yang dicapai oleh negara Jepun perlu dipelajari dan dicontohi. Oleh itu, melalui pembelajaran bahasa Jepun yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia ini, diharapkan dapat membantu melahirkan modal insan yang *multi lingual* seterusnya dapat mencapai matlamat pembelajaran bahasa antarabangsa amnya, bahasa Jepun khususnya.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Azman Che Mat, Goh Yin Soon. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 9-21
- Wan Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti, Nur Al-Huda Hashim. 2007. Kajian Tahap Keresahan di Kalangan Pelajar Bahasa Asing. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Roswati Abdul Rashid, Radhiah Ismail, Noor Haslina Mohamad Akhir. Kepekabagaan Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (Hiragana): Satu Kajian Deskriptif. *Journal of Language Teaching, Linguistic and Literature* 13(2007): 13-37
- Junaidah binti Aburairah Habu. 2006. Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun di Kalangan Pelajar Berpendidikan Melayu dan Pelajar Berpendidikan Cina. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.